



**KENYATAAN MEDIA**

**29 JULAI 2022**

## **ST Siasat Punca Gangguan Bekalan Elektrik**

**PUTRAJAYA, 29 Jun** – Suruhanjaya Tenaga (ST) memandang serius mengenai kejadian gangguan bekalan elektrik yang melibatkan kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia pada 27 Julai lalu.

Siasatan awal mendapati berlaku pelantikan pada Pencawang Masuk Utama (PMU) 275kV Yong Peng Utara, Johor berikutan kerosakan peralatan pada pencawang tersebut. Kejadian ini turut menyebabkan beberapa talian penghantaran dari PMU lain terbabit, sekaligus menyebabkan gangguan bekalan elektrik dalam sistem Grid Nasional. Gangguan bekalan ini juga telah mengakibatkan sistem Grid Nasional mengalami kejatuhan frekuensi dan skim perlucutan beban automatik diaktifkan di mana beberapa kawasan diputuskan bekalan elektrik secara automatik bagi menstabilkan semula frekuensi sistem grid.

Bagaimanapun, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjaya memulihkan bekalan secara berperingkat setelah mengambil kira kestabilan sistem grid, di mana proses pemulihan bekalan bermula pada jam 12:56 petang dan selesai sepenuhnya dalam tempoh 2 jam 21 minit.

Dalam usaha untuk memastikan insiden yang sama tidak berulang, ST sedang menjalankan siasatan lanjut bagi mengenal pasti punca kejadian dan akan menyarankan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu dilakukan. Tindakan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 boleh dikenakan kepada mana-mana pihak, sekiranya didapati berlaku kesalahan yang boleh dikaitkan.

**- TAMAT -**

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*  
*Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin*  
*Unit Promosi dan Hubungan Luar*  
*Tel: 013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)*  
*Emel: zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.